

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 15 RABU 12HB. APRIL 1972 1392 رايو 27 صفر PERCHUMA

KA-ARAH PENUBOHAN TINGKATAN ENAM DI-SMAHB / RIAD

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertimbangan2 yang serious mengenai dengan penubohan Tingkatan Enam di-Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit sedang di-buat sekarang. Penuntut2 di-sekolah itu, khas-nya penuntut2 yang telah berjaya dalam peperiksaan SPM yang lalu telah di-minta bersabar untuk menunggu keputusan penubohan tingkatan itu.

Kenyataan ini telah di-ucapkan oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain di-majlis penyampaian hadiah2 pelajaran dan pembukaan Pesta Pelajar SMAHB/RIAD yang berlangsung pada pagi Ahad lepas.

Mengenai dengan usaha penubohan tingkatan itu, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama itu menyatakan bahawa fikirannya telah di-tumpukan tentang kemungkinan penubohan-nya dan menganggap-nya sa-bagai satu perkara yang perlu.

Beliau berkata, perundingan2 telah pun di-adakan dengan Pengetua dan guru2 kanan di-kedua2 sekolah itu dan juga Penguasa Pelajaran Ugama yang membincangkan dari sa-genap sudut.

"Kami berpegang kepada bahawa Kerajaan D.Y.M.M. berkehendakkan supaya anak2 negeri ini pandai, berilmu pengetahuan, mempunyai kelulusan2 yang tinggi, beradab dan bersopan santun serta taat kepada Allah dan kepada Kerajaan Baginda", tegas beliau.

Beliau juga menyebut bahawa beliau telah menerima permohonan supaya di-tubuhkan tingkatan VI di-sekolah itu yang berkaitan dengan hasrat penuntut2 dan juga penagehan atas ucapan beliau tentang kemungkinan penubohan tingkatan tersebut yang hanya akan di-timbangkan sa-sudah di-dapati keputusan SPM.

Menurut beliau lagi bahawa penuntut2 tersebut telah memohon dengan kuat-nya supaya Tingkatan VI itu di-tubuhkan pada tahun ini juga.

Mengenai keputusan peperiksaan SPM yang mana chalan2 sekolah2 MAHB/RIAD telah mengahapai kejayaan yang gemilang, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama (Lihat muka 8)



Meshuarat Agong Belia Sengkurong

SENGKURONG. — Persatuan Belia Sengkurong, Brunei akan mengadakan Meshuarat Agong Tahunan-nya bertempat di-Dewan Persatuan itu mulai pada jam 8.00 pagi hari Ahad 16hb. April, 1972.

Pengerusi Tetap persatuan tersebut Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal akan merasmikan meshuarat itu.

Antara perkara2 yang akan di-bincangkan dalam meshuarat itu termasuklah mengenai Projek Persatuan dan pemilihan Jawatan Kuasa Tadbir baru bagi tahun 1972/73.

tahun, dan beliau menjalani kursus priktikal sa-lama tujuh bulan di-beberapa buah rumah sakit di-England sa-belum pulang ka-tanah ayer.

Awang Majid ada-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan dan beliau melanjutkan pelajaran atas biasiswa kerajaan Brunei.

DULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berangkat ka-London pada hari Khamis lepas untuk melawat ka-United Kingdom.

Duli Yang Maha Mulia telah di-iringi oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

Turut serta dalam rombongan baginda itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Pengiran Anak Chuchu, Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Perdana Indera Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohammad Taha bin Haji Bakir dan Awang Haji Wahab bin Mohd. Said.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Peter Gautrey ada-lah di-antara pembesar2 negara yang meng-ucapkan selamat berangkat kepada baginda (gambar atas).

Turut juga meng-ucapkan selamat berangkat di-lapangan terbang ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Penasehat Umum DYMM Al-Sultan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Utama Awang Isa, Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof, Yang Amat Mulia Cheteria2, Pengiran2 Pehin2, Ketua Jabatan Kerajaan dan Pegawai2 Perkhidmatan Pentadbiran.

Puteri Nor'ain selamat melahirkan sa-orang Putera

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin telah di-kurniakan Tuhan sa-orang lagi chuchu lelaki.

Satu kenyataan yang di-ke-luarkan dari Istana pada hari Sabtu lepas berkata:

"Menjunjong sabda Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Baginda Timbalan Sultan, dengan amat sukachita di-umumkan bahawa Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, isteri kepada Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Lela Sahibol Kahar Pengiran Anak Mohamad Yusof, dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang putera pada pukul 2.00 petang, hari Sabtu 8hb. April, 1972

Kongres Agong Perwakilan MBDB

KUALA BELAIT. — Kongres Agong Perwakilan Majlis Belia2 Daerah Belait yang kedua akan di-adakan di-Dewan Pusat Belia Kuala Belait pada hari Jumaat 5hb. Mei, 1972.

Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pg. Umar di-jadualkan merasmikan kongres tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Penggerak Sementara MBDB, Awang Hashim Suhaimi meminta semua persatuan2 belia di-daerah itu supaya menghantar nama dua orang wakil tetap dan sembilan orang pemerhati untuk menghadiri kongres tersebut.

Beliau berkata, sa-barang chadangan untuk di-masukkan sa-bagai agenda dalam kongres itu hendak-lah di-hantar kepada Jawatankuasa Penggerak Sementara tidak lewat dari 24hb. April, 1972.

Sa-orang lagi lulus ijazah B.Sc.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Majid bin Abdul Rahman telah lulus pengajian tinggi dengan mendapat ijazah B. Sc. (Ordinary) dalam jurusan Applied Chemistry (Biochemistry) dari Maktab Technology Huddersfield, England.

Awang Majid menuntut di-maktab tersebut sa-lama tiga

Tim. Pengawal Bomba berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Pengawal Pasokan Bomba, Awang Ya'akub bin Haji Mohamed Yusof telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menjalani kursus di-Britain.

Dalam masa dua minggu yang pertama Awang Ya'akub akan di-tempatkan di-Jabatan Bomba Surrey untuk menjalani kursus membiasakan diri, sa-belum kursus mengenai pencegahan kebakaran selama sebelas minggu di-Maktab Teknikal Perkhidmatan Bomba. Moreton-In-Marsh.

Sa-telah menamatkan kursus itu Awang Ya'akub akan di-tempatkan di-Jabatan Bomba Brighton kerana mempelajari berbagai jurusan menche-gah kebakaran, dan sa-belum pulang ka-tanah ayer, Awang Ya'akub sekali lagi akan mengikuti kursus pengajar selama dua minggu di-Maktab Teknikal Perkhidmatan Bomba Moreton-In-Marsh.

Rombongan penyembor ubat DDT di-Daerah Belait

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan2 penyembor Projek Penghapus Malaria akan menjalankan kerja2 menyembor ubat DDT di-kampung2 di-daerah Belait dan Tutong dalam bulan ini.

Rombongan2 tersebut akan mula melawat sembilan buah kampung di-Daerah Belait.

Mereka akan pergi ka-Kampung Merangking Hilir pada hari ini 12hb. April dan Bang Pukul pada 13hb. April.

Rombongan2 itu akan melawat Lumut di-Daerah Belait mulai dari 17hb. hingga 20hb. April.

Ketua Projek Penhapus Malaria, Dr. Y.T. Wu, meminta penduduk2 kampung yang akan di-lawati itu supaya memberikan kerjasama supaya melicinkan kerja2 menyembor itu.

Kelas Dewasa HSC di-SMJA

ADA-LAH di-ma'alumkan ka-pada semua orang2 dewasa ia-itu Kelas Dewasa Sijil Tinggi Persekolahan (H.S.C.) Aliran Melayu Tingkatan Bawah dan Atas telah pun di-mulakan pada minggu lalu di-Pusat Pelajaran Dewasa di-Sekolah Menengah Melayu S.M.J.A., Bandar Seri Begawan.

Dari itu orang2 dewasa yang telah mendaftarkan nama mereka dan yang akan memasoki kelas tersebut sila-lah datang melaporkan diri pada masa kelas ini dibuka pada jam 5.30 petang tiap2 hari sekolah di-buka.



SATU rombongan sa-ramai 15 orang dari Persatuan Kebangsaan Sabah — SANYA telah mengadakan lawatan sa-lama sa-minggu ka-negeri ini. Sa-lama berada di-sini mereka telah menjadi tetamu Persatuan PATUH dan Persatuan Perkumpulan Perempuan Brunei dan mereka telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarik di-Bandar Seri Begawan dan Kuala Belait.

Mereka juga telah sempat melawat ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Bandar Seri Begawan. Gambar atas menunjukkan rombongan itu bergambar dengan beberapa orang juruhebah Radio Brunei bergambar di-dalam salah sa-buah studio.

Hari Pelajar Sekolah2 Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beribu2 orang kanak2 sekolah di-negeri Brunei akan menyambut Hari Pelajar dalam bulan Jun, akan datang. Pembukaan rasmi Hari Pelajar itu akan di-langsungkan di-padang besar Bandar Seri Begawan pada 10hb. Jun.

Hari Pelajar akan di-sambut sa-chara berasingan dan pada tarikh2 yang berlainan oleh lebih darj 100 buah sekolah2 Melayu di-seluruh negeri.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Pelajaran berkata, samasa Hari Pelajar itu, ibu2 bapa dan penjaga murid2 sekolah akan berpeluang melawat ka-sekolah2 untuk menyaksikan kerja anak2 mereka.

Pehin Coates di-pilih sa-mula

SERIA. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait baru2 ini telah mengadakan meshuarat agong tahunan-nya, untuk memilih pegawai2 baru bagi tahun 1972/73.

Meshuarat itu telah memilih sa-mula Yang Berhormat Pehin Datu Derma Setia, Dato Awang P.A. Coates sa-bagai pengerusi majlis, dan juga sa-bagai pengerusi Lembaga Governor Rumah Orang2 Tua

Tawaran dermasiswa untuk mengikuti kursus profesional di-MARA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran sedang mempelawa chalun2 untuk mendapatkan dermasiswa kerajaan bagi mengikuti kursus profesional di Institute Teknologi MARA bagi tahun pengajian 1972/1973.

Hanya chalun2 yang terdiri dari raayat Brunei dan mempunyai kelayakan2 yang tertentu sahaja di-kehendaki memohon.

Kursus2 itu ia-lah accountancy, pentadbiran dan undang2, perniagaan dan pengurusan, ilmu pembangunan, reka bentuk dan lukisan, kejuruteraan, sains perpustakaan, pengurusan hotel dan perhubungan awam.

Chalun2 mesti-lah lulus peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Ilmu Hisab dan dua mata pelajaran yang lain. Saperti ilmu Hisab Tambahan, Ilmu Alam, Sejarah, Ilmu kesihatan, Rampaian Sains, Sains Tambahan, Ilmu Tambahan, Kaji-hayat, Fizik, Kimia, Sains Kejuruteraan dan Surveying.

Bagi chalun2 yang ingin

memasoki pengajian dalam perhubungan awam, mereka mesti-lah lulus Sijil Tinggi Persekolahan dengan mendapat principal dalam bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan lulus Kertas 'Am.

Chalun2 yang tidak mempunyai kelulusan H.S.C., akan tetapi lulus peperiksaan M.C.E dengan mendapat lima kepujian termasuk-lah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Kesusteraan Inggeris boleh juga di-pertimbangkan, sekira-nya mereka mempunyai pengalamam di-dalam bidang kewartawanan.

Dalam pengajian perpustakaan dan diploma dalam perpustakaan, chalun2 mesti-lah mempunyai lima kepujian termasuk Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau dua principal dalam peperiksaan H.S.C.

Dalam kursus persediaan, chalun2 mesti-lah lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dalam aliran Melayu dan sekurang2-nya mendapat kepujian dalam empat mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, Ilmu Hisab, Rampaian Sains dan lulus Bahasa Inggeris Rendah. Keutamaan akan di-beri kapada penuntut2 yang mendapat kepujian dalam Ilmu Hisab Tambahan dan Sains Tambahan.

Kursus persediaan dalam kursus tersebut, mereka boleh melanjutkan pelajaran di-dalam kursus2 profesional.

Chalun2 mesti-lah di-akui sehat oleh doktor untuk mengikuti kursus.

Tarikh tutup bagi penerimaan permohonan ia-lah 13hb. April, 1972. Permohonan2 yang lewat dari tarikh tersebut tidak akan di-layan.

Negeri Brunei di-Seria.

Majlis juga memilih tujuh orang lagi sa-bagai ahli jawatankuasa tertinggi majlis itu dan enam orang lain-nya sa-bagai ahli lembaga tersebut.

Empat dari ahli jawatankuasa tertinggi majlis itu juga di-pilih sa-bagai pengerusi jawatankuasa rendah bagi bantuan awam, biasiswa, pergerakan belia dan usaha mengutip derma.

BARU2 ini kita telah mendapat maklumat bahawa sudah ada daging2 ayam berbungkus plastik di-bawa masuk ka-negeri ini. Walau pun di-luar bungkusan plastik ayam2 tersebut ada tertulis dengan tulisan Arab dan tertulis perkataan 'halal' dengan huruf rumi, tetapi kita belum atau tidak mendapat maklumat yang pasti dan terang bahawa ayam2 itu di-sembeleh menurut hukum shara'. Hal ini sudah tentu boleh mendatangkan shak ragu kepada kita sama ada ayam2 itu halal di-makan atau pun tidak.

Perkara ini telah pun di-bongkar kepada Yang Di-Muliakan Shaibol Fadzilah Datu Seri Maharaja dan Sahibol Fadzilah itu antara lain telah menerangkan pendapatnya bahawa:

"Hendak-lah di-ketahui bahawa binatang yang halal, ada-lah haram di-makan ketika ia hidup, akan tetapi jika ia sudah di-sembeleh menurut shara', maka halal di-makan binatang itu sa-umpama dagingnya dan lemaknya dan lain2. Dan ayam Denmark sa-bagaimana - gambar ayam yang di-lukis di-atas bungkusan dari plastik ada-lah ia ayam biasa seperti yang di-dapati dalam negeri2 sebelah sini. Jika ayam Denmark itu di-sembeleh menurut chara shara' ada-lah ia halal di-makan oleh umat Islam, tetapi kita tiada dapat ketahui siapa yang menyembelih ayam Denmark yang di-taruh dalam bungkusan plastik yang berukuran 4x12 inci lebeh kurang, dan telah di-bawa masuk ka-dalam negeri ini, dan kita tiada dapat tahu bagaimana chara menyembelih ayam tersebut itu dan menurut kaedah fikah "Al-Yakin Layazin bilshak" arti-nya "yang yakin itu tiada dapat di-batalkan oleh yang shak". Dan kerana binatang atau burung yang halal di-makan itu ada-lah ia haram di-makan ketika ia hidup, sebab asal ayam itu belum di-sembeleh menurut chara shara' ada-lah ia haram di-makan oleh kita. Dari itu

BINATANG YG. HALAL, HARAM DI-MAKAN KETIKA IA HIDUP



KHUTBAH JUMA'AT

Memakan bangkai ada-lah suatu maksiat dan dosa besar.

hukum ayam Denmark itu ada-lah ia haram, kerana tidak di-ketahui chara atau shara' halal-nya. Ini di-kiaskan dengan shak pada bilangan rakaat sembahyang atau shak sa-suatu yang membatalkan sembahyang. Dan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Apabila sa-seorang kamu shak sa-suatu di-dalam sembahyang dan dia tidak tahu berapa rakaat ia telah sembahyang, ada-kah tiga atau empat, maka hendak-lah ia buangkan apa yang ia shakan itu (empat rakaat) dan ia mengambil apa yang ia yakin-kan (ia-itu tiga rakaat) dan ia teruskan sembahyang-nya aitu".

Ada pun surat2 yang tertulis di-atas pembungkus itu belum dapat di-ketahui akan hakikat-nya dan belum di-ketahui dengan-nya siapa yang menyembelih ayam Denmark itu. Dari itu perkhbaran yang di-bawa oleh keterangan atau sandaran.

Rengkasannya: Ayam Den-

mark yang di-bungkus dalam bungkusan plastik yang di-katakan di-sembeleh dan lemak2-nya dan lain2-nya adalah haram di-makan oleh umat Islam sebab ia ada-lah bangkai kerana belum di-ketahui shara' dan halal-nya dan memakan bangkai ada-lah suatu maksiat dan dosa besar. Demikianlah hukum ayam Denmark menurut pendapat ulama dalam kitab2 dalam masaalah sa-umpama ini.

Demikian antara lain pendapat Yang Di-Muliakan Sahibol Fadzilah Pehin Datu Seri Maharaja.

Rasulullah s.a.w. pernah menegaskan di-dalam sabda baginda yang bermaksud:

"Perkara yang halal itu terang dan nyata, dan perkara yang haram itu terang nyata dan antara halal dan haram ada perkara2 yang samar2 yang tiada di-ketahui oleh banyak orang akan hukum-nya dan hanya sedikit orang yang mengetahuinya. Maka barang siapa memelihara diri-nya daripada segala barang yang kesamaran maka ia memelihara akan agama-nya dan kehormatannya. Dan barang siapa yang jauh ka-dalam perkara kesamaran itu jauh-lah ia ka-dalam yang haram seperti sa-orang pengembala yang mengambala di-sekitar kawasan larangan-nya, hampir sangat binatang2 ternakan-nya makan di-dalam-nya".

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan supaya umat Islam di-negeri berjaga2 dan berwaspada membeli dan memakan benda2 atau barang2 sa-umpama ayam2 yang berbungkus plastik, supaya terselamat kita daripada memakan barang2 yang haram terjauh-lah kita daripada melakukan dosa.

Enam di-pileh untuk wakili Brunei Tiga

BERAKAS. — Dua orang penuntut lelaki, Mustapha bin Murad dan Mahmud bin Haji Saidin serta dua orang penuntut perempuan, Salina binte Mohamed Yusof dan Mahani binte Musa akan mewakili Bahagian Brunei Tiga ka-peraduan membaca Quran bagi sekolah2 ugama perengkat Daerah Brunei-Muara yang akan di-adakan tidak lama lagi.

Mereka telah menjadi johan dan naib-johan bahagian masing2 dalam peraduan yang di-adakan di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas baru2 ini.

Dalam peraduan sharahan bahagian lelaki pertama: — Baharuddin bin Metali semantara bahagian perempuan dimenangi oleh Rahimah binte Abdul Rahman.

Kedua2 mereka itu juga mewakili Bahagian Brunei Tiga ke-peraduan perengkat daerah.

Di-Kuala Belait, Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pg. Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar akan meresmikan pembukaan peraduan membaca Quran dan sharahan ugama pada 13hb. April di-Dewan Kemasyarakatan di-Kuala Belait mulai pukul 8.00 malam.

Peraduan itu ada-lah untuk memilih wakil2 daerah itu ka-peraduan perengkat akhir seluruh negeri di-Bandar Seri Begawan dalam bulan Julai.

Sa-ramai 10 orang murid, enam lelaki dan empat perempuan akan mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Tahun lepas, Daerah Belait telah munculkan sa-bagai johan seluruh negeri dalam peraduan membaca Quran bagi kanak2 lelaki dan juga menjadi johan dalam peraduan sharahan ugama bagi kanak2 lelaki.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12hb. April, 1972 hingga ka-hari Selasa 18hb. April, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit	Matahari
12hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14	
13hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14	
14hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14	
15hb. April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14	
16hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12	
17hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12	
18hb. April	12-26	3-41	6-31	7-43	4-44	4-58	6-12	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Pemereksaan sukatan dan timbangan

SERIA. — Merinyu dan kaki tangan sukatan dan timbangan ketika ini berada di-Seria hingga 27 April ini untuk memereksa alat2 sukatan dan timbangan.

Pihak sukatan dan timbangan telah menasihatkan pekedai2 dan mereka yang memiliki alat2 itu di-Seria,

supaya menghantarkan alat2 sukatan dan timbangan mereka bagi pemereksaan pada tarikh2 itu bertempat di-Bilek Bachaan Seria.

Ada-lah menjadi satu kesalahannya menggunakan alat2 sukatan dan timbangan yang belum di-pereksa dan di-chap bagi tahun ini.



(12hb. April, 1972).

BUKAN NAK JADI BILAL

PENGETUA Pegawai Hal-Ehwal Ugama telah menimbulkan lagi tentang maseh ada-nya keraguan tentang masa depan penuntut2 di-sekolah2 Arab.

Keraguan ini, sama ada di-kuatirkan dengan penoh rasa sedar atau hanya sa-bagai pengisi mulut sahaja yang mungkin di-sebabkan kehabisan bahan yang hendak di-chakapkan sa-masa berdialog dengan pengetua itu, ada-lah merupakan satu dindang yang di-alunkan berlaut2. Bila sudah ke-adaan-nya demikian, maka ten-tu-lah ia-nya sudah menjadi satu perkara yang tidak asing lagi bagi pendengar2-nya.

Kalau keraguan itu di-ke-luarkan dengan kesedaran yang mendalam, maka ia-nya di-ilhamkan dari beberapa san-daran tentang untong-nasib di-hari muka penuntut2 di-seko-lah2 itu. Ada-lah memang menjadi kebiasaan bahawa dalam peringkat awal ini orang giat memperjuangkan perta-pakan untuk menghadapi hari muka itu. Kerana itu, jika per-kara yang baru memasuki ruang hidup, maka tidak mustahil timbul-nya pergolakan keragu2-an dan menjadi satu punca yang keyakinan itu menjadi ti-pis. Ini ada-lah perkara biasa dan menjadi asam-garam hi-dup.

Tetapi keyakinan untuk di-masa muka itu akan terbayang cerah jika perjuangan untuk melihat kecheraan itu tidak jemu2 di-laksanakan yang su-dah tentu pula ada sulit-nya.

Bila timbul orang yang ragu2 itu tidak pula bermaana yang tujuan-nya tidak baik atau mengecilkan usaha, apa lagi usaha2 yang besar dan melibat-kan kepentingan orang yang banyak. Kadang2 sifat ragu2 itu timbul bila orang kurang pasti kerana tidak dapat mema-hami keterangan2, walau pun di-buat dalam kertas yang ber-kajang2.

Tetapi yang aneh-nya ada ju-ga yang tidak mahu faham, wa-lau pun bokti-nya itu ada. Ini pun tidak menjadi hairan, ke-rana sifat manusia banyak ra-gam-nya.

Menjawab pertanyaan ten-tang mahu kemana penuntut2 itu, maka Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menyatakan bahawa pintu-nya banyak un-tok di-masuki mereka.

Penghasilan dari sekolah itu sudah tidak meragukan lagi. Mereka boleh memasuki pepe-reksaan2 SRP dan SPM yang mempunyai masa depan yang luas. Tentu-nya kelulusan itu bukan untuk menjadi bilal atau imam.

Penuntut2-nya yang sekarang memegang SPM di-bolehan memohon melanjutkan pelajaran seperti ka-ITM di-Malaysia atau memasuki Maktab Perguruan. Pun mereka yang tidak lulus, tetapi kuat Bahasa Arab dan Pelajaran Ugama di-ikh-tiarkan untuk menjejakan kaki ka-Universiti Azhar, Mesir. Ba-hasa Inggeris juga sedang di-ikh-tiarkan supaya di-kuasai oleh penuntut2 dengan baik sa-bagai tangga untuk melanjut-kan pelajaran di-luar negeri.

Dari sini, maka jelas-lah ba-hawa penuntut2 itu bukan-lah bakal marbut, bilal atau imam.



Sa-belum merasmikan Pesta Pelajara bagi Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit dan menyampaikan hadiah2 pelajaran, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain telah menyampaik-kan ucapan (gambar atas).

PELAJAR PUTERA DAN PUTERI YANG TERBAIK MEMPUNYAI CHITA2 YANG SAMA



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain sedang mengalong-kan 'sasadang' kepada pelajar yang terbaik, Awang Mohd. Taib bin Abdul Wahab.

TIDAK ada yang melebehi chita2 mereka, melainkan untuk terus belajar sa-hingga ka-peringkat yang lebih tinggi.

Tujuan-nya ia-lah untuk menampung ke-hendak2 negara dan mengabdikan diri bagi membantu majukan bangsa yang bersandar-kan kepada ajaran2 Islam yang mengutamakan kesejahteraan.

Demikian yang tersimpul di-lubok hati dua pelajar yang telah di-ishtiharkan sa-bagai pelajar2 yang terbaik Tahun 1971 di-antara pelajar2 di-Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit, Bandar Seri Begawan.

Mohd. Taib bin Abdul Wahab di-ishtiharkan sa-bagai Pelajar Putera Terbaik dan Da-ayang Rashidah binte Awang Tengah sa-bagai Pelajar Puteri Terbaik.

Terbayang kegembiraan di-dua buah wa-jah itu apabila mereka di-kalungkan oleh

HARI AHAD, 9 April yang lalu telah berlangsung **PESTA PELAJAR** 1972 bagi penuntut2 Sekolah2 Menengah Arab Hassanah Bolkiah dan Raja Isteri Anak Damit, Bandar Seri Begawan.

Beberapa achara yang menarik tel-lah di-adakan dan kemunchak dari achara2 tersebut ia-lah penyampaian hadiah2 pelajaran 1971 yang berlang-song di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah.

Lain2 achara termasuk-lah Tem-masha Sokan Tahunan dan Pasar Ria yang menjual aneka bahan2 makanan dan minuman.

Pesta Pelajar itu di-rasmikan de-ngan pemotongan pita oleh Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama yang juga sa-belum itu telah menyampaikan ha-diah2 pelajaran dalam majlis pagi hari Ahad tersebut.

Pesta itu berakhir dengan Malam Penutup Sekolah Penggal I yang di-langsungkan di-Dewan Sekolah Mene-ngah Arab Raja Isteri Anak Damit. Antara achara2-nya ia-lah penyam-

paian hadiah2 sokan rumah2, tulisan, lukisan dan pekerjaan tangan.

Sa-lain dari itu di-pentaskan juga sa-buah pu-bawara "Naga Hitam" oleh pelajar2 di-kedua2 sekolah itu di-samping taian, nyanyi2an, lawak jenaka dan panchak silat.

Pelajar2 yang menerima hadiah pelajaran dalam pepereksaan 1971 ada-lah terdiri dari sa-ramai 14 orang dari darjah2 persediaan hingga ka-tingkatan lima.

Pelajar2 dari tingkatan V yang meneri-ma hadiah pelajaran itu ia-lah Datang binte Puasa dan Mohd. Taib bin Abdul Wahab. Dari tingkatan IV ia-lah Wardah bte. Haji Ismail dan Ali bin Haji Gantang. Dari tingkatan III ia-lah Fatmah bte. Emran dan Hamzah bin Ismail. Pelajar2 tingkatan I ia-lah Masnah bte. Umar dan Misli bin Latat.

Dari pelajar2 persediaan II ia-lah Nurul Huda bte. Haji Ismail dan Mohd. Yunus bin Bolhassan. Sementara pelajar persediaan I ia-lah Marjan binte Haji Abd. Rahim dan Ak. Ali Hashim bin Pg. Yusof.

Pelajar Putera Terbaik: Mohd. Taib bin Abdul Wahab dan Pelajar Puteri Terbaik: Dayang Rashidah bte. Awang Tengah.

Untuk pelajar2 yang terbaik itu, pemi-lehan tersebut di-lakukan dengan penilaian dari tiga segi, iaitu segi pelajaran, kegiatan2 di-luar darjah dan kelakuan.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama "sasan-dang" yang membuboh perkataan Pelajar Pu-tera dan Puteri Terbaik 1971 di-majlis penyam-paian hadiah2 pelajaran sekolah2 Menengah Arab yang di-hadiri oleh seluruh pelajar2 se-kolah tersebut dan jemputan2 khas.

Tetapi di-lubok dua keping hati pelajar putera dan puteri itu bergolak satu tekak untuk terus melangkah hingga ka-punchak yang di-ke-hendaki oleh negara dan bangsa-nya. Pergolak-an tekak itu di-tendang oleh suatu bisikan sayu bila melihat kemuduran2 arena pelajaran di-kalangan angkatan mereka yang ada sekarang dan betapa nasib mereka yang gagal. Kerana itu tumbuh chita2 yang utama di-lubok hati dua pelajar itu untuk menchuba menchapai punchak pelajaran yang tinggi.

Mohd. Taib bin Abdul Wahab, sejak mula menduduki bangku sekolah tidak pernah mengalami kegagalan baik di-Sekolah Melayu Lamunin Tutong (tempat mula bersekolah) hingga-lah di-Sekolah Menengah Arab Has-sanah Bolkiah di-mana dia mendapat kejayaan yang gemilang. Md. Taib pernah bersekolah di-Sekolah Melayu Keriam, Tutong dan Mak-tab Anthony Abell, Seria (Inggeris).

Anak yang ketiga dari 10 orang adek beradek dalam keluarga yang mempunyai taraf hidup yang sederhana, Md. Taib ternyata mempunyai keistime-waan dalam meladani kehendak2 pelajaran. Ia mula masuk ka-Sekolah Arab dalam tahun 1966 dan me-rupakan pelajar yang selalu mendapat markah yang baik dalam darjah-nya. Dalam pepereksaan S.P.M. yang lalu, Md. Taib mendapat pangkat Tiga.

Md. Taib tidak hanya merupakan salah sa-orang pelajar yang mempunyai rekod yang baik dari segi kelakuan, tetapi juga pelajar yang aktif di-berbagai2 bidang kegiatan di-sekolah-nya.

Dari tahun 1968 hingga 1970, Md. Taib menjadi ahli jawatankuasa Badan Bahasa dan Persuratan di-sekolah-nya dan pada tahun 1971, dia menjadi pengerusi badan tersebut dan memimpin penerbitan "Warkah Pelajar" dan "Gelanggang" ia-itu dua buah majalah sekolah-nya. Dia juga di-katakan sa-bagai pelajar yang chekap dalam hal-ehwal bahat.

Di-sekolah-nya, dia tidak hanya salah sa-orang pemimpin pengakap, tetapi juga sa-orang ahli sokan yang baik.

Dayang Rashidah binte Awang Tengah, juga sa-orang pelajar yang sejak dari permulaan persekolah-an-nya hingga-lah menduduki bangku Sekolah Mene-ngah Arab RIAD merupakan pelajar yang selalu



Keputusan pepereksaan yang baik. Di-Se-kolah Menengah Arab, Dayang Rashidah sentiasa rakan2 sa-kelas-nya.

Kejaksanaan-nya itu dapat di-boktikan-nya dia mendapat Pangkat Kedua dalam pepere-k-S.P.M. yang lalu.

Dayang Rashidah mula bersekolah di-Sekolah Berakas, kemudian pindah ka-Sekolah Me-lay Pahlawan, Sekolah Melayu Delima Satu dan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Seri Begawan. Dayang Rashidah mula masuk ka-Sekolah Arab dalam tahun 1967.

Anak yang ke-enam dari satu keluarga yang ta-dup-nya sederhana, Dayang Rashidah menda-pai pangkat dari sekolah-nya dari segi kelakuan yang baik kepada satu rekod yang memuaskan hati di-sekolah.

Tengenai kegiatan2-nya di-sekolah Arab, Da-ayang Rashidah pernah di-lantik sa-bagai Ketua Penuntut2 Perempuan dari tahun 1967 hingga tahun 1969 hingga 1970, Dayang Rashidah menerima mandat dari rakan2 pelajar-nya un-tuk memegang jawatan sa-bagai Setia Usaha Agong Penuntut2 Sekolah itu.

Dalam arena perbahathan di-sekolah, Rashidah mengambil bahagian sa-lain dari kegiatan2 seperti kegemaran-nya di-bidang pembachaan.

Rashidah juga di-katakan sa-bagai ahli Pandu yang sangat berkebolehan, di-samping mem-punyai kechenderongan dalam lapangan sokan.

PESTA PELAJAR SEKOLAH2 MENENGAH ARAB



Pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ugama, guru2 dan penuntut2 dari kedua buah sekolah itu ketika menyaksikan persembahan2 di-Malam Penu-tup yang berlangsung di-Dewan Sekolah Mene-ngah Arab Raja Is-teri Anak Damit.



Awang Yahya bin Haji Ibrahim, Penguasa Pelajaran Ugama sedang menyampaikan piata kepada pe-menang pertama dalam peraduan menulis cherpen.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain sedang memerhatikan sa-orang penuntut yang sedang membuat 'ex-periment' di-makmal sains.

Dayang Rahidah binte Awang Tengah yang telah di-pilih sa-bagai Pelajar Puteri Terbaik bagi tahun 1971.

Awang Mohd. Ali bin Daud yang juga telah merasmikan Sokan Tahunan bagi kedua2 sekolah tersebut sedang menyampaikan ha-diah kepada pemenang dalam te-masha sokan itu.

(GAMBAR2 IHSAN
DARI JHEU/BP)



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

SA-BAGAI PEMBANTU JURUTERA DI-RADIO BRUNEI

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi satu jawatan kosong sa-bagai Pembantu Jurutera di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Akhir City & Guilds dalam kursus Radio dan Telecommunications. Mempunyai sesuatu sijil dalam Kursus Kejuruteraan Penyiaran merupakan satu kelebihan. Sa-seorang pemohon itu mesti-lah mempunyai pengalaman praktikal yang membolehkan dia membantu Ketua Jurutera dalam menjalankan tugas2 yang berikut:

- Mengawas kerja2 dan kerja2 pemeliharaan, dll.
- Membantu dalam kerja2 merancang dan memasang, dll.
- Membantu dalam kerja teknikal, dll.

Keutamaan akan di-beri kepada sa-seorang yang mempunyai pengalaman praktikal sekurang2-nya sa-lama 10 tahun dengan sesuatu badan penyiaran yang terutama. Mempunyai pengalaman dalam kejuruteraan talivishen — penyiaran — dalam studio dan/atau alat pemancar merupakan satu kelebihan. Sa-seorang calon itu hendak-lah menunjukkan daya usaha-nya sendiri serta mempunyai kelebihan menyiapkan projek2 dengan tidak memerlukan penyeliaan rapat.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B 2 — \$1090 x 50-1140 x 40-1300 x 60-1360 x 40 — 1520 x 60-1580 x 40-1740. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Latehan Perguruan Kursus (A) 1972-1974

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada orang2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei, yang mempunyai Sijil Persekolahan Cambridge, Sijil Pelajaran Malaysia atau Sijil 'Am Pelajaran dengan mendapat kelulusan dalam 4 mata-pelajaran pada peringkat 'O' bagi mengikuti kursus perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah, Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masuk akan menerima aluan seperti dibawah:

Bagi tahun pertama dan kedua — \$210/- sa-bulan.

Bagi tahun ketiga — \$225/- sa-bulan.

Semua guru dalam latehan akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasuk makan dalam penggal persekolahan.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 yang di-pilih akan di-temuduga serta juga di-periksa oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei memenohi syarat2 dibawah:

- Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;
- Mereka atau penjamin2 mereka akan di-kehendaki membayar bales dengan sa-penohnya kepada kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan;
- Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran, Brunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masukkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Pemohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Pengetua, Maktab Perguruan Sultan Hassan Bolkiah (Gadong), Peti Surat No. 391, Bandar Seri Begawan, Brunei. Borang2 yang telah di-isi hendak-lah di-kembalikan kepada Pengetua tidak lewat daripada 16hb. April, 1972.

Tempah Perkhidmatan:

Kontrek sa-lama tiga tahun. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dll. boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya, tidak lewat daripada 1hb. Mei, 1972.

Juruteknik Makmal Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa bagi jawatan sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Chalun2 untok di-lantek di-bawah sekim ini hendak-lah sudah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 25 tahun. Mereka mesti-lah terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan.
- Mereka hendak-lah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut.
- Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mendapat kepujian dalam Sains dan/atau Ilmu Hisab.

Tingkatan Gaji:

Juruteknik Makmal Perchubaaan — \$230x10-280/EB/290x15-380.

Juruteknik Makmal Terlateh — \$410x20-510/EB/540x20-660.

Juruteknik Makmal Kanan — \$710x30-950.

Ketua Juruteknik Makmal — \$1000 x 30-1120/EB/1160 x 30-1280.

Pemohon2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juruteknik2 Makmal Perchubaaan, dan akan di-hantar ka-seberang laut bagi menjalani latehan.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan akan di-kehendaki lulus semua peperiksaan sa-masa mereka menjalani latehan dalam tempoh perchubaaan mereka.

Juruteknik2 Makmal Perchubaaan yang:

- telah lulus peperiksaan akhir, dan
- di-sokong oleh Ketua Jabatan mereka akan layak di-tetapkan sa-bagai Juruteknik Makmal Terlateh.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. April, 1972.

Penyelia Bilek Simpanan Linen

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Penyelia Bilek Simpanan Linen di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur lebih dari 30 tahun dan lulus sekurang2-nya Form III Inggeris. Pemohon2 yang terdiri daripada orang2 bukan Melayu mesti-lah boleh bertutur dalam bahasa Melayu. Keutamaan akan di-beri ka-

Sa-bagai Posmen

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untok di-lantek sa-bagai Posmen di-Jabatan Perkhidmatan Pos, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang lulus dalam mata-pelajaran bahasa Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 2-3-4 EB 5 — \$200x5-260/EB/270x10-290.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 30hb. April, 1972.

Sa-bagai Pegawai Gerakan Pejabat

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan Pegawai Gerakan Pejabat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VII Melayu dan Darjah III Ugama. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 Pejabat Kerajaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji U. 1 — \$190x5-230x10-270.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 26hb. April, 1972.

pada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam menjaga bilek jahitan dan mengawas kakitangan2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3-4 EB 5 — \$410 x 20-510-540 x 20-660/EB/690 x 20-750.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, dan hendak-lah di-kembalikan kapada-nya tidak lewat daripada 25hb. April, 1972.



PERSATUAN Amator Judo/Karate Negeri Brunei akan menghantar 11 orang peserta untuk mengambil bahagian dalam Kejujutan Karate-Do Sa-Dunia yang Kedua yang akan berlangsung di-

Paris mulai 18hb. hingga 24hb. April ini.

Ini ada-lah kali kedua persatuan itu mengambil bahagian dalam kejujutan antara bangsa. Kali pertama mereka telah mengambil bahagian dalam Kejujutan Karate-Do Sa-dunia Yang Pertama yang telah berlangsung di-Tokyo dalam tahun 1970.

Gambar atas ia-lah peserta2 yang telah di-pileh untuk mengambil bahagian dalam kejujutan di-Paris. Pengenal gambar duduk dari kiri: Che'gu Zainal Ladi (Ketua Pasokan), V.B. Raja ratnam (Pen. Ketua Rombongan), T. Takagi (Ketua Jurulatih Karate), Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya, Haji Kassim Mudzaffar (Pengurus dan Ketua Rombongan), Eli N. Bontiao (Pegawai), dan Chong Yew Fah (Pen. Ketua Pasokan).

Berdiri dari kiri: Lim Siong Huat, Malai Mohammad bin Malai Osman, Che'gu Abdullah Sani, Morris bin Mayalin dan Che'gu Zainal Abdullah.

Peraduan trengkas dan menaip dapat sambutan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa peraduan trengkas dan menaip sa-takat ini telah menerima lebih dari 50 borang permohonan untuk menyertai peraduan trengkas, menaip, steno, seni taip dan seni gregg aliran Melayu dan Inggeris di-seluruh negeri. Peraduan itu di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa ia-itu sebahagian dari projek tahunan jabatan itu.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa peraduan itu berkata, peraduan tersebut juga terbuka kepada semua bekas penuntut2 yang telah lulus peperiksaan trengkas dan menaip tertinggi, dan mereka juga di-bolehkan mengambil peraduan steno junior, steno, seni taip dan seni gregg.

Sa-banyak 12 buah piala rebutan telah di-sediakan diantara penderma2-nya termasuklah Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Aziz, Awang Bumford, Awg. Umar bin Mohamed dan Pengarah Trengkas Melayu Institute Malaysia.

Mereka yang ingin menyertai peraduan itu boleh-lah mendapatkan borang2 dari guru trengkas dan menaip di-sekolah Melayu Puser Ulak bagi aliran Melayu dan Awg. Jibarntam di-Maktab SOAS bagi aliran Inggeris di-Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Borang2 itu hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 15hb. April kepada Setiausaha Peraduan Awang Abdul Rahim bin Mat Wali di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan atau Awang Abdullah bin Tahir di-Pejabat Daerah Brunei-Muara Bandar Seri Begawan.

Jawatan2 Kosong

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

1. JURUTAYANG (1 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VI Ugama dan Form II atau yang sa-banding dengan-nya. Mereka hendak-lah mempunyai pengalaman dalam chara2 menggunakan projector wayang gambar, alat2 pembesar suara dan generator. (Satu ujian akan di-jalankan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230x10-280/EB290x15-380.

2. OPERATOR TALIPON

(1 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari orang2 perempuan berumur diantara 18 hingga 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah V Ugama dan Form II atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 2 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

3. TUKAN KEBUN (3 jawatan)

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah berumur diantara 20 hingga 40 tahun dan

mesti-lah tahu menulis dan membaca.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F 1 EB 2 — \$180x5-195/EB/200x5-215.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 6hb. Mei, 1972.

Di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chulun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. PEGAWAI

PERPUSTAKAAN (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya dan mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama tiga tahun dalam kerja2 perpustakaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 3 EB 4 — \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

2. PEMBANTU

PERPUSTAKAAN (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran atau yang sa-banding dengan-nya.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1 EB 2 — \$230x10-280/EB/290x15-380.

3. PENYELANGGARA SETOR TINGKATAN III (1 jawatan)

Kelayakan2:

Chalun2 mesti-lah telah men-chapai umur 17 tahun dan lulus sekurang2-nya Tingkatan II atau yang sa-banding dengan-nya. Ke-utamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengalaman dalam kerja2 setor.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan kepada-nya tidak lewat daripada 30hb. April, 1972.

Bekalan letrik ka-Layong

TUTONG. — Jabatan Letrik baru2 ini telah memulakan bekalan letrik ka-Kampong Layong di-Daerah Tutong.

Kerja mendirikan tiang2 di-sepanjang jalan di-antara Balai Pulis Lamunin dan Layong telah di-mulakan pada penghujung tahun lepas.

Bekalan letrik itu ia-lah bagi kila-ng2 ayer Ranchangan Ayer Tutong.

Kenyataan Pegawi Penguasa Warith

No. 15/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Jijah binte Moktar, d/a Haji Lias bin Metali, Kedai Sharikat Sungai Tering, Lumut, Seria, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohamad bin Yusof yang telah meninggal dunia di-dalam Seria, Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 18 haribulan April, 1972, pada jam pukul 10.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawi Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan April, 1972.

IN THE COURT OF THE PROBATE OFFICER,

ADMINISTRATION SUIT

No. 13 of 1972.

Application to this Court having been made by Lai Joon Kong of The Hongkong & Shanghai Bank, Kuala Belait, State of Brunei for Grant of Probate to the estate and effects of Lai Kon Kim late of Kuala Belait, Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful son of the deceased.

Notice is hereby give that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 18th day of April, 1972 at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any persons wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 5th day of April, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 14 of 1972.

Application to this Court having been made by Madam Helen Ngui of F. 20/48 A, Lorong 5, Seria State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Joseph Chang late of Seria, State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful wife of the deceased.

Notice is hereby give that application will be heard in the Court-house at Kuala Belait on the 18th day of April, 1972 at 10.30 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any persons wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Kuala Belait before the above date.

Dated this 5th day of April, 1972.

CHARLIE FOO CHEE TUNG,
Pegawai Penguasa Warith.
Negeri Brunei.



SA-BUAH perahu lumba telah tiba dari Brunei dan ini menyebabkan tiga belas orang penuntut Brunei yang sedang menuntut di-England melawat Exeter Maritime Museum ia-itu sa-buah museum bahagian laut.

Perahu ini yang di-perchayai berunsur dari sa-buah perahu peperangan tetapi sekarang hanya di-gunakan untuk perlumbaan, telah di-hadihkan kepada museum itu oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin.

Gambar menunjukkan dari kiri: Abd. Razak Manggong, Abd. Wahab Juned, Metusin Bujang, Sahari bin Daud, Zainal Othman, Idris Haji Belaman, Jaffar Besar, Sophia Taha, Jainin Erey, Ibrahim Abd. Rahman, Ibrahim Mat Yassin, Sahara Ahmad dan Azizah Ismail.

Latehan Perguruan Ugama Kursus 'A' 1972—1974

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk mengikuti Kursus 'A' di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan dan hanya orang2 yang mempunyai syarat2 kelayakan di-bawah ini akan di-pertimbangkan:-

1. Kelayakan:

- Hendak-lah raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan yang Beragama Islam, manakala yang bukan warga negara Brunei boleh juga memohon terta'alok kepada pertimbangan2 khas.
- Hendak-lah belum berkahwin dan berumur di-antara 16 hingga 23 tahun.
- Sekurang2-nya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia atau sabandingan dengan-nya dengan syarat lulus dalam Pengetahuan Ugama Islam, atau mempunyai Sijil 'Am Pelajaran dengan syarat mendapat kelulusan dalam 4 mata pelajaran pada peringkat 'O' dan salah satu daripada-nya Pengetahuan Ugama Islam.
- Hendak-lah pandai membacah Al-Quran.

2. Syarat2:

- Pemohon2 yang di-pertimbangkan akan di-pilih menerusi satu temu duga.
- Pemohon2 yang berjaya hendak-lah terlebih dahulu lulus dalam pemeriksaan doktor.
- Pemohon2 yang berjaya akan di-beri tempat tinggal di-asrama termasuk makan minum dalam penggal2 persekolahan.
- Pemohon2 yang berjaya di-kehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Kerajaan Brunei memenohi syarat2 berikut:
 - Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan.
 - Mereka atau penjamin mereka di-kehendaki membayar bales dengan sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa dalam latehan.
 - Mereka sanggup berkhidmat dengan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei sa-lama sekurang2-nya lima tahun

sa-lepas tamat latehan.

- Pemohon2 yang berjaya akan mengikuti kursus sa-lama 3 tahun.
- Alaun dan Gaji:
 - Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima masok akan menerima alaun sa-perti di-bawah:-

Bagi Tahun Pertama dan Kedua — \$210.00 sa-bulan.
Bagi Tahun Ketiga — \$225.00 sa-bulan.
 - Semua penuntut2 yang berjaya dalam latehan tiga tahun ini akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 yang lain yang mempunyai kelulusan yang sa-jajar.

Borang Permohonan:

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Batu 1½, Jalan Tutong, pada bila2 masa pejabat di-buka dan di-kembalikan kepada Pengetua Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei tidak lewat daripada 26hb. April, 1972.

Lawatan muhibbah Belia Keriam ka-Limbang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang terdiri dari ahli2 Persatuan Melayu Keriam, Tutong akan mengadakan lawatan muhibbah ka-Limbang sa-lama sa-hari pada hari Jumaat, 15hb. April ini.

Dalam lawatan sa-hari itu, ahli2 Persatuan Melayu Keriam itu akan mengadakan perlawanan2 sepak takraw dan bola sepak sa-chara persahabatan dengan pasukan di-bahagian kelima Sarawak itu. Pada sebelah malam-nya satu majlis ramah tamah akan di-adakan.

HARGA GULA NAIK

BANDAR SERI BEGAWAN. — Harga jualan runchit bagi gula putih di-negeri ini akan di-naikkan mulai dari hari ini, 12hb. April, 1972.

Pemangku Pengawal Setor Kerajaan, Awang Zakaria Jeneh menyatakan, harga sa-kati gula di-Bandar Seri Begawan, Tutong dan Muara sekarang ia-lah 46 sen, sementara di-Kuala Belait, Seria dan Temburong ia-lah 47 sen sa-kati.

Kesulitan2 dapat di-atasi

(Dari muka 1)

ma itu mensifatkan-nya sa-bagai yang memeranjatkan.

Sejak penubuhan sekolah itu, kata-nya, kerumitan yang paling besar ia-lah kekurangan tenaga pengajar yang terlatih dan berpengalaman khas-nya dalam bidang sains, hisab dan bahasa Inggeris.

Tetapi, kata-nya lagi, baharu2 ini kesulitan itu sa-bahagian besar-nya telah dapat di-penohi berikutan dengan kerjasama dari Kerajaan Singapura meminjamkan guru2-nya untuk mengajar di-sekolah itu.

Kerana itu beliau menumpukan harapan kepada penuntut2 dan guru2 supaya kejayaan dalam peperiksaan2 seperti itu di-tahun2 yang akan datang akan dapat di-chapai berlipat-ganda lagi.

Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama itu juga menimbulkan tentang hasrat penuntut2 yang lulus SPM untuk melanjutkan pelajaran mereka di-tingkatan VI di-luar negeri.

Permohonan2 itu, kata-nya, sedang di-timbangkan bagi di-sokong supaya mereka yang di-fikirkan layak dan berkebolehan di-hantar ka-Kolej Islam Klang atau di-Maktab Kadir Adabi Kelantan.

Walau machamana pun, kata-nya,

Perkhemahan Pengakap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Mohamed Salleh bin Haji Masri akan merasmikan pembukaan Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei dan Muara pada jam 2.00 petang hari Sabtu 15hb. April, 1972.

Perkhemahan Pengakap tersebut akan di-adakan di-kawasan Perkhemahan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong sa-lama empat hari mulai pada hari Jumaat 14hb. April, 1972.

Temasha unggun api akan di-adakan pada malam 15hb. April.

Sa-lepas melawat Limbang, mereka akan pergi ka-Daerah Temburong untuk mengadakan lawatan sa-hari.

Sa-masa di-Temburong Persatuan Melayu Keriam itu akan mengadakan Malam Kesenian dan Kebudayaan.

Antara acara2 yang akan di-persembahkan pada malam itu ia-tari2an, nyanyian dan taridra.

Ahli2 persatuan itu juga akan mengadakan perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan dengan pasukan Belia Temburong dan mengadakan perkelahan bersama2 dengan belia2 di-daerah itu di-Delta Park, di-Batang Duri.

Rombongan itu akan bales ka-Brunei pada 17hb. April.

hal itu terta'alok-lah kepada kebenaran dan penerimaan.

Mengenai penuntut2 yang tidak lulus dalam peperiksaan2 SRP dan SPM, tetapi mempunyai rekod yang baik dalam bidang mata pelajaran Ugama, maka langkah untuk menyelamatkan mereka telah di-lakukan dengan cara menubuhkan Kelas Ugama Tingkatan IV dan V.

Menurut beliau bahawa chadangan dan fikiran2 yang serius juga di-tumpukan supaya Kelas2 Ugama Tingkatan IV dan V itu di-kembangkan bagi menjamin penuntut2 yang kuat Bahasa Arab-nya dan kuat ilmu pengetahuan Ugama-nya supaya dapat melanjutkan pelajaran ka-Azhar Universiti.

Menyebut bales akan perkembangan kedua2 buah sekolah Arab itu, Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama menyatakan bahawa adalah menjadi hasrat supaya penuntut2-nya akan dapat melanjutkan pelajaran di-luar negeri tidak hanya ka-sekolah2 tinggi yang menggunakan bahasa pengantar-nya Melayu tetapi juga yang menggunakan bahasa pengantar Inggeris.

Untuk matalamat itu, beliau menasihatkan pihak sekolah itu supaya menyusun jadual kerja bagi memudahkan penuntut2 menguasai Bahasa Inggeris dengan baik-nya.

Beliau berkata, dengan ada-nya penguasaan Bahasa Inggeris yang baik itu, maka peluang bagi penuntut2 melanjutkan pelajaran keluar negeri ada-lah terbuka dengan luas-nya.

Pengambilan rekrut baru AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Askar Melayu Diraja Brunei telah menubuhkan pusat2 pengambilan orang2 baru bagi kumpulan yang ke-27 yang akan memulakan latehan di-Bolkiah Kem dalam bulan Jun tahun ini.

Pemuda2 yang ingin berkhidmat dalam pasukan itu akan di-temuduga oleh rombongan pengambil orang2 baru di-Dewan Kemesharakatan di-Bandar Seri Begawan pada hari ini, 12hb. dan 13hb. April, di-antara jam 8.00 pagi dan 3.30 petang.

Rombongan pengambil orang2 baru itu akan berada di-Bilek Bachaan Jabatan Penyiaran dan Penerangan di-Pekan Tutong sa-lama empat hari mulai 17hb. April di-antara jam 8.00 pagi dan 3.00 petang.

Lain2 pusat pengambil orang2 baru ia-lah di-Kampung Kupang dan Kampung Lugu di-Daerah Tutong pada 21hb. April dan Dewan Kemesharakatan di-Bandar Seri Begawan pada 22hb. April di-antara jam 8.00 pagi dan 4.00 petang.

Pemuda2 yang ingin berkhidmat dalam pasukan itu mesti-lah warga-negara Brunei dan raayat Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan. Sa-lian dari itu mereka mesti-lah tidak kurang dari lima kaki tinggi dan berat badan 100 paun, berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan mempunyai badan yang sehat.